



كوفراسي گورو ملايو كلنتن برحد
KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN MACHANG

TARIKH : 13 APRIL 2019
TEMPAT : SEK MEN KEB BANDAR MACHANG
MASA : 10.00 PAGI

**ATURCARA
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 02.00 Petang : Pendaftaran
- 02.00 Petang: Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al qur'an dan bacaan doa
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 02.00 Petang : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
 2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
 3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke 12.
 4. Menimbang Laporan Lambaga 2018
 5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 24 tahun 2019.
 6. Menimbang draft akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2018.
 7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24 tahun 2019.
 8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
 9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KAWASAN MACHANG**

Tarikh : 13 April 2019
Tempat : Sekolah Men Keb Bandar Machang
Masa : 10.00 Pagi

2. Kehadiran :
- 2.1 Pengerusi : Haji Ab Kadir b Yaacob
Bendahari : Hj Muhmad Saupi bin Yunus
Timbalan Setiausaha : En Mohd Zin bin Halim
ALK : Hj Ghazali b Jusoh
Hj Yahaya b Isa
En Mohd Fadzil b Che Saleh
Hj Ismail bin Salleh
Hj Mohd Rofi bin Mohd Zain
- JAD : Hajjah Zubaida bt Ibrahim
Haji Mat Kait bin Abdullah
En Kamaruzaman bin Hj Daud
- 2.2 Anggota : 441 Orang Anggota

3. UCAPAN PENGERUSI LEMBAGA

Oleh : **Hj Abd Kadir bin Yaacob**
Pengerusi Lembaga
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Yang dimuliakan saudara Pengacara Majlis,
Yang dihormati ALK, JAD dan Warga Pengurusan,
dan anggota Kawasan Machang.

Syukur ke hadrat Illahi kerana kita semua diberikan kesihatan yang baik dan dapat bersama-sama pada pagi ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua dan pihak pengurusan SMK Bandar Machang yang memberi kebenaran kepada koperasi menggunakan dewan sekolah ini pada hari ini.

Saya dan semua ALK serta JAD merakamkan jutaan terima kasih kepada semua anggota Kawasan Machang ini kerana dapat bersama-sama hadir pada pagi ini termasuklah kepada anggota yang telah bersara tetapi masih kekal menjadi anggota. Untuk pengetahuan semua, pada pagi ini juga diadakan MAK bagi Kawasan Kuala Krai di SMK Bandar Kuala Krai.

Mesyuarat Agung Kawasan adalah mesyuarat yang diadakan dua tahun sekali dan mesyuarat agung perwakilan mungkin akan diadakan pada bulan Jun atau Julai nanti.

Sepatutnya semua anggota hadir ke mesyuarat agung kawasan ini kerana di dalam mesyuarat inilah pihak koperasi akan menyampaikan segala maklumat terkini mengenai koperasi termasuklah aktiviti-aktiviti koperasi. Beliau tidak mahu anggota terlepas pandang pelbagai kemudahan yang diberikan kepada anggota.

Di dalam MAK ini juga, anggota diberikan peluang untuk memberi pandangan dan cadangan.

Koperasi pada hari ini sudah mencapai usia 79 tahun dan kini berada pada tahap yang membanggakan.

ALK telah berikrar yang koperasi akan ditadbir urus oleh ALK dan Eksekutif yang berintegriti, amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Saya ingin mengingatkan anggota membuat pilihan yang betul dan tepat semasa pemilihan perwakilan nanti. Beliau juga memberitahu selepas ini terdapat pemilihan perwakilan seramai 24 orang akan dipilih oleh anggota Kawasan Machang ini yang mana jumlah anggota lebih kurang 800 orang. Beliau berharap anggota dapat memilih perwakilan yang hebat dan yang mempunyai pengalaman dalam koperasi serta yang bertanggungjawab.

Tujuan mesyuarat agung kawasan ini adalah untuk memberi maklumat dan perkembangan terkini koperasi kepada anggota. Saya sangat berharap cadangan dan teguran yang membina daripada anggota.

Tuan/Puan yang dihormati,

Kejayaan yang telah dicapai adalah koperasi pada hari ini adalah masih lagi koperasi yang hebat yang mana berada di tangga ke 48 daripada 100 koperasi terbaik di Malaysia daripada lebih kurang 13,000 koperasi di seluruh Malaysia. Manakala koperasi kedua terbaik di Negeri Kelantan. Beliau memberitahu antara kriteria yang dipilih adalah aset koperasi yang melebihi RM50 juta, perniagaan sentiasa mencapai keuntungan dan juga berkebakikan. Untuk pengetahuan anggota semua, aktiviti yang terbesar koperasi adalah kebajikan kepada anggota melalui tabung-tabung yang disediakan seperti TKA dan juga KWBD.

Prestasi kewangan koperasi sekarang yang mana jumlah aset sebanyak RM89 juta, modal syer RM2.5 juta, modal yuran RM55 juta. Manakala keuntungan bagi tahun 2018 sebanyak RM3.4 juta berbanding keuntungan pada tahun 2017 sebanyak RM2.9 juta. Manakala pembayaran dividen kepada anggota pada tahun ini adalah sebanyak 4.1%.

Untuk pengetahuan semua anggota, jumlah peminjam sepanjang tahun 2018 ialah seramai 915 orang sahaja. Jumlah ini sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pada tahun ini koperasi telah bersetuju untuk mengadakan promosi pinjaman dengan peratusan faedah sebanyak 3.0% sahaja. Saya berharap dengan promosi yang diadakan ini dapat menarik semua anggota untuk membuat pinjaman dengan koperasi.

Untuk makluman tuan/puan semua, perniagaan Ar-Rahn telah mempunyai tiga cawangan iaitu di Kota Bharu (Jalan Kebun Sultan), di Melor (Bangunan Arked MARA, Melor) dan di Tumpat (Bangunan Arked MARA Chabang Empat) yang mana ketiga-tiga perniagaan tersebut turut menyumbangkan keuntungan yang tinggi kepada koperasi. Koperasi dalam cadangan membuka cawangan keempat Ar-Rahn di Machang. Beliau sangat berharap semua anggota dan masyarakat setempat di Machang ini menyokong perniagaan Ar-Rahn koperasi yang bakal di buka ini nanti.

Tuan/Puan yang dihormati,

Kedai Tayar milik koperasi ini sebenarnya sudah sekian lama beroperasi, namun hanya orang luar atau bukan anggota yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan baiki dan servis kereta di kedai tayar tersebut. Untuk pengetahuan semua anggota yang hadir, kedai tayar ini diwujudkan untuk menjaga kebajikan semua anggota yang mana anggota boleh membuat penukaran tayar kereta dan membaiki kereta dengan bayaran secara ansuran iaitu melalui potongan gaji.

Selain itu, Koperasi kini telah menambah satu lagi bidang perniagaan iaitu dalam bidang perhotelan. Koperasi telah mengambil alih bangunan yang disewa oleh Hanis Villa Hotel dan membuka hotel sendiri dengan nama Diamond Hotel. Kedudukan hotel ini sangat strategik kerana lokasinya di tengah-tengah Bandar Kota Bharu serta berdekatan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti bank, hospital, terminal bas, kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya.

Semua anggota juga disarankan untuk menginap dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan seminar di hotel milik Koperasi ini. Anggota akan diberikan diskaun istimewa sekiranya menginap dan menyewa dewan di Diamond Hotel.

BGSB merupakan anak syarikat Koop Guru yang menyediakan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Semua anggota boleh mendapatkan barangan tersebut di kedai-kedai panel yang telah dilantik. Selain itu, BGSB juga

menyediakan pakej umrah. Saya berharap semua anggota dapat menyokong semua aktiviti yang disediakan oleh BGSB.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin menyampaikan satu berita baik iaitu setiap anggota yang berjaya membawa masuk ahli baru akan menerima insentif sebanyak RM50.00 bagi setiap ahli baru yang baru mendaftar.

Tuan/puan sekalian,

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah terutamanya Tuan Pengetua kerana telah bersetuju untuk jadikan SMK Bandar Machang sebagai tempat untuk Mesyuarat Agung Kawasan Machang. Saya juga berharap semua anggota dapat memahami segala maklumat yang telah saya sampaikan pada hari ini.

Sekian sahaja dari saya. Dengan ini saya merasmikan MAK Machang pada hari ini dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim.

Selamat bersidang.

AGENDA

AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En Raja Muharimi bin Raja Muhammad (011858) mencadangkan Hj Mohamad bin Junus (005968) sebagai Pengerusi Mesyuarat, disokong oleh En Salbani Ishak (013901)
- 1.3 En Mohd Zurhan bin Nordin (013582) mencadangkan cadangan ditutup.
Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat

- 2.1 Pengacara majlis turut menjelaskan seorang Setiausaha mesyuarat juga perlu dipilih oleh majlis mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 En Raja Muharimi bin Raja Muhammad (011858) mencadangkan En Shariff bin Hamzah (011556) sebagai Setiausaha Mesyuarat, disokong oleh En Salbani Ishak (013901).
Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke – 12/2017

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Setiausaha Lembaga, En Mohd Zin bin Halim membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan kali ke - 12/2017.
- 3.2 En Mohd Zin bin Halim, Timbalan Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke - 12/2017 untuk diterima dan disahkan dari muka surat 1 hingga 11.
- 3.3 En Salbani bin Ishak memaklumkan terdapat kesilapan pada mukasurat 11 yang mana nombor anggota bagi Pengerusi Mesyuarat dan Setiausaha Mesyuarat tertukar antara satu sama lain.
- 3.4 En Salbani Ishak (013901) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke 12/2017 diterima dan disahkan disokong oleh En Raja Muharimi bin Raja Muhammad (011858) dengan pindaan.
Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Setiausaha Lembaga En Mohd Zin bin Halim membentangkan draf Laporan Lembaga Bagi Tahun 2018.
- 4.2 Timbalan Setiausaha Lembaga En Mohd Zin bin Halim membentangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 bermula di muka surat 1 hingga 48.
- 4.3 Che Hussin bin Haron (015696) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh Ahmad Sharafi bin Mohd Zain (020096).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

AGENDA 5 iaitu **Memilih Perwakilan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 24/2019** telah di pinda ke **AGENDA 9** dan **AGENDA 6** menjadi **AGENDA 5** iaitu **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

AGENDA 5 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus untuk membentangkan draf akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus, Bendahari membentangkan draf akaun koperasi berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 1 hingga 14 (sebagaimana buku kuning yang diedarkan).

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 6 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Bendahari, Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus untuk membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan belanjawan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019.
- 6.2 Tuan Hj Muhmad Saupi bin Yunus membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 dan semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke 24/2019 dari muka surat 15 hingga 23.

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 7 : Menimbang Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Dan Atura-Aturan Aktiviti Koperasi Jika Ada

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi Lembaga membentangkannya.
- 7.2 Pengerusi Lembaga menjelaskan tiada cadangan pindaan kepada undang-undang kecil dan Aturan-Aturan Aktiviti Koperasi untuk dibentangkan.

AGENDA 8 : Menimbang Dan Meluluskan Usul Daripada Anggota Lembaga Dan Anggota Koperasi, Jika Ada, Yang Diterima Tujuh (7) Hari Sebelum Tarikh Mesyuarat Agung Kawasan

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkannya.
- 8.2 Pengerusi Lembaga memaklumkan bahawa koperasi telah menerima satu usul dari En Salbani bin Ishak (013901) yang bertarikh 05 April 2019.

Usul : Anggota Lembaga perlu mengambil tindakan tegas kepada mana-mana ALK,JAD dan pekerja yang melakukan kesalahan salah laku dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi untuk mengelakkan daripada mengalami kerugian dan berharap peristiwa tahun 2007 tidak berulang.

- 8.3 Wan Mohd Amin Bin Wan Mohammad (014252) mencadangkan usul tersebut diterima dan disahkan.
- 8.4 Pengerusi Lembaga memberitahu usul yang dibawa ini akan dibincang dan dikaji oleh ALK sebelum mengambil tindakan sewajarnya.

Keputusan: Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Pengerusi JK Pemilihan, En Mohd Zin bin Halim untuk memberi penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 9.2 En Mohd Zin bin Halim, Pengerusi JK Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di Kawasan Machang pada hari ini seramai 44 orang dan meminta semua calon tampil ke hadapan. Dua orang calon tidak dapat hadir dengan izin dan bersurat pada hari ini iaitu Ahmad Najmee bin Azrai (013325) dan Azman bin Ab Rahman (011232) dan seorang calon Hamzah bin Ya (007900) meninggal dunia. Calon - calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan tidak hadir ke hadapan semasa namanya dipanggil secara automatik pencalonannya terbatal.
- 9.3 Beliau mengumumkan calon-calon perwakilan yang bertanding di kawasan Machang pada hari ini. Calon-calonnya adalah seperti berikut :

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
01	018598	MALIK RADZUAN BIN OMAR	PPD MACHANG
02	018396	AZHAN BIN MUSTAPHA	PPD MACHANG
03	019018	SALIM BIN MOHAMED	PPD MACHANG
04	012375	AZME BIN HUSSAIN	SK TEMANGAN
05	019032	ABDUL AZIZ BIN AHMAD	SMK MACHANG
06	009985	HASSAN BIN YAHYA	SMK SERI INTAN
07	008195	TUAN NOOR BIN TUAN MUDA	SMK PANGKAL MAK WAN
08	007900	HAMZAH BIN YA	LOT 1864 TMN RIONG MACHANG
09	016671	SHAI PUL BAHRI BIN ISMAIL	SK MACHANG 2

10	008099	C.M SABRI BIN IBRAHIM	SK BUKIT TIU
11	019868	SAKINAH BT HARUN	SK KELAWEH
12	013052	KHAIRUL ANUWAR BIN ABD WAHAB	SK MACHANG 2
13	020114	ROSMAWATI BT MUHAMMAD	SK TOK BOK
14	013797	MARJAN BT MOKHTAR	SK BELUKAR
15	019857	AHMAD SHUKRI BIN ISMAIL	PPD MACHANG
16	011556	SHARIFF BIN HAMZAH	PPD MACHANG
17	012374	MOHD HUSAIN BIN YA'ACOB	SK TEMANGAN
18	012207	ZUKIYAH BIN GHAZALI	SK KELAWEH
19	018034	NOR AZIZAH BT YUSOFF	SK MACHANG 2
20	019906	NURUL AKMA BT ASHARI	PPD MACHANG
21	015362	AZMI BIN DAUD	PPD MACHANG
22	005968	HJ MOHAMAD BIN JUNUS	LOT PTB 847 TMN PENDETA, KG KEPAS BARU
23	009769	SUZYLAITON BT ISMAIL	PPD MACHANG
24	13325	AHMAD NAJMEE BIN AZRAI	PPD MACHANG
25	009058	DANIYAL BIN JUNOH	PPD MACHANG
26	017530	RASMA SUZIENA BT ISMAIL @ HUSAIN	SK PALOH RAWA
27	012842	HARIZA BT MOHAMAD RAFEE	SK PULAI CHONDONG
28	005172	MAHHASSAN BIN BAKAR	SMK TEMANGAN
29	014339	AB HARAI DI BIN AB WAHAB	SMK SERI INTAN
30	012143	AHMED BIN MAHMOOD	PPD MACHANG
31	013901	SALBANI BIN ISHAK	PPD MACHANG
32	020096	AHMAD SYARAFI BIN MOHD ZAIN	PPD MACHANG
33	008465	LAMERI BIN MAHAMUD	PPD MACHANG
34	016836	ISKANDAR BIN ISMAIL	PUSAT KEGIATAN GURU JAMBU LAWAR
35	007896	RUSLI BIN CHE LAH	SK DEWAN BESAR
36	017973	NOR AZIZAH BT SAID	SK KAMPUNG PEK
37	017553	WAN MUD BIN WAN YUSOFF	SK PALOH RAWA

38	011858	RAJA MUHARIMI BIN RAJA MUHAMMAD	SK KELAWEH
39	013582	MOHD ZURHAN BIN NORDIN	PPD MACHANG
40	011232	AZMAN BIN ABD RAHMAN	PPD MACHANG
41	015696	CHE HUSIN BIN HARON	SK KAMPUNG PEK
42	009003	PAUZI BIN JUSOH	SK PULAI CHONDONG
43	010228	HASMIN MARINA BT ABDUL RAHMAN	SK PANGKAL GONG
44	014252	WAN MOHD AMIN BIN WAN MOHAMMAD	SK MACHANG 2

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

Pengundian dijalankan secara sulit dan dikendalikan oleh pihak ANGKASA.

- 9.4 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan mengumumkan calon-calon perwakilan yang menang bagi kawasan ini setelah proses pegundian selesai dijalankan oleh pihak Angkasa. Nama-nama calon yang menang adalah seperti berikut :

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
1	011556	SHARIFF BIN HAMZAH	PPD MACHANG
2	008195	TUAN NOOR BIN TUAN MUDA	SMK PANGKAL MAK WAN
3	019857	AHMAD SHUKRI BIN ISMAIL	PPD MACHANG
4	018598	MALIK RADZUAN BIN OMAR	PPD MACHANG
5	007896	RUSLI BIN CHE LAH	SK DEWAN BESAR
6	009985	HASSAN BIN YAHYA	SMK SERI INTAN
7	020096	AHMAD SYARAFI BIN MOHD ZAIN	PPD MACHANG
8	013901	SALBANI BIN ISHAK	PPD MACHANG
9	013582	MOHD ZURHAN BIN NORDIN	PPD MACHANG
10	012143	AHMED BIN MAHMOOD	PPD MACHANG
11	015696	CHE HUSIN BIN HARON	SK KAMPUNG PEK
12	009769	SUZYLAITON BT ISMAIL	PPD MACHANG
13	016671	SHAI PUL BAHRI BIN ISMAIL	SK MACHANG 2
14	013052	KHAIRUL ANUWAR BIN ABD WAHAB	SK MACHANG 2
15	005968	HJ MOHAMAD BIN JUNUS	LOT PTB 847 TMN PENDETA, KG KEPAS BARU

16	014252	WAN MOHD AMIN BIN WAN MOHAMMAD	SK MACHANG 2
17	011858	RAJA MUHARIMI BIN RAJA MUHAMMAD	SK KELAWEH
18	019868	SAKINAH BT HARUN	SK KELAWEH
19	012375	AZME BIN HUSSAIN	SK TEMANGAN
20	012842	HARIZA BT MOHAMAD RAFEE	SK PULAI CHONDONG
21	010228	HASMIN MARINA BT ABDUL RAHMAN	SK PANGKAL GONG
22	018034	NOR AZZAH BT YUSOFF	SK MACHANG 2
23	012207	ZUKIZAH BIN GHAZALI	SK KELAWEH
24	009003	PAUZI BIN JUSOH	SK PULAI CHONDONG

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

PENCATAT MINIT :

1. PUAN WAN ROSNIDA BT WAN IBRAHIM
2. PUAN NOR FAZIEDAH BT SULONG

TANDATANGAN PENGERUSI MESYUARAT:



.....
HJ MOHAMAD BIN JUNUS (005968)

TANDATANGAN SETIAUSAHA MESYUARAT:



.....
SHARIFF BIN HAMZAH (011556)